

Headline	FBM KLCI dijangka uji paras 1,700 mata
MediaTitle	Berita Harian
Date	31 Jan 2017



FBM KLCI dijangka uji paras 1,700 mata

Saham & Anda



Zainal Ariffin Osman

Pemegang lesen Wakil Peniaga dan Pasaran Hadapan berdaftar di Inter-Pacific Securities Sdn Bhd

Bursa Malaysia memulakan dagangan minggu lalu dalam nada positif apabila FBM KLCI dibuka tinggi 1,684.85 pada Isnin dan ditutup pada 1,671.31 mata, naik 6.42 mata berbanding penutup Jumaat minggu sebelumnya.

Jumlah dagangan adalah 1.53 bilion saham bernilai RM1.81 bilion. Walaupun jumlah diniagakan susut 3.34 peratus, nilai dagangan naik 13.5 peratus berbanding Jumaat minggu sebelumnya. Kebanyakan penanda aras indeks ditutup lebih tinggi.

Peningkatan itu disumbangkan oleh kenaikan saham mewah di dalam komponen indeks seperti LPI Capital + RM0.34 (+ 2.03%), Telekom + RM0.13 (+ 2.16%), Sime Darby + RM0.18 (+ 2.11%), Hartalega + RM0.09 (+ 1.95%), Pestech + RM0.08 (+ 5.13%).

Saham berasaskan teknologi naik melambung dengan kaunter untung seperti JCY RM0.045 (+ 8.18%), Inari RM0.04 (+ 2.3%), UNISEM RM0.04 (+ 1.64%).

Pada Selasa, KLCI ditutup pada 1,680.69, naik 9.38 mata (+ 0.56%), dengan jumlah dagangan 1.559 bilion bernilai RM2.025 bilion. Ia masing-masing menokok 2.11% dan 12.08% berbanding penutup Isnin.

Majoriti indeks penanda aras naik untuk pulih daripada kerugian pada minggu sebelumnya. Antara kaunter untung ketara adalah BAT + RM1.96 (+ 4.41%), Lafarge + RM0.15 (+ 2.17%), Axiata + RM0.12 (+ 2.54%),

Mega First + RM0.09 (+ 3.54%), Genting Malaysia + RM0.09 (+ 1.87%).

Indeks Teknologi masih lagi meneruskan aliran menaik, dengan diterajui oleh saham mewah teknologi, termasuk MPI + RM0.10 (+ 1.14%) dan Inari + RM0.03 (+ 1.69%).

Pada Rabu, KLCI ditutup pada 1,683.93, mengukuh 3.24 mata (+ 0.19%). Dagangan berjumlah 1.30 bilion saham bernilai RM1.81 bilion. Kedua-dua jumlah pasaran dan nilai masing-masing jatuh 10.85% dan 10.67% berbanding penutup hari sebelumnya.

Dari segi sektor, indeks teknologi, hartanah dan pembinaan berehat sejenak selepas kenaikan berterusan baru-baru ini, manakala indeks lain terus meningkat. Kaunter untung termasuk United Plantations + RM0.70 (+ 2.61%), UMW + RM0.26 (+ 5.04%), United Uli + RM0.20 (+ 4.82%), CCM Duopharma + RM0.21 (10.94 %), Axiata + RM0.07 (+ 1.45%), Press Metal + RM0.07 (+ 3.59%), Gas Malaysia + RM0.06 (+ 2.3%) dan EcoWorld + RM0.03 (+ 2.17%).

Pada Khamis, KLCI ditutup pada 1,692.22 naik 8.29 mata (+ 0.49%). Jumlah dagangan adalah 1.4 bilion saham bernilai RM1.75bil. Berbanding hari

sebelumnya, jumlah perdagangan meningkat 8.17% manakala nilai perdagangan menurun 3%.

Antara Kaunter untung ialah PETGAS + RM0.64 (+ 3.15%), BAT + RM0.52 (+ 1.12%), UMW + RM0.39 (+ 7.2%), GENTING + RM0.13 (+ 1.55%), GENM + RM0.08 (+ 1.61%), AXIATA + RM0.08 (+ 1.63%), SIME DARBY + RM0.12 (+ 1.38%), Inari + RM0.04 (+ 2.27%), GTRONIC + RM0.12 (+ 3.13%), AMBANK + RM0.10 (+ 2.21%), Hartalega + RM0.09 (+ 1.91%), MPI + RM0.08 (+ 1.01%), FGV + RM0.06 (+ 3.45%).

Kenaikan pasaran saham Asia Tenggara sejajar dengan prestasi pasaran saham Asia yang lain. Ini disumbangkan oleh kejayaan Indeks Dow Jones yang

melempi paras rintangan 20,000 mata untuk mencatat peringkat tertinggi dalam sejarah pasaran saham Amerika Syarikat (AS).

Pada Jumaat, Bursa Malaysia yang dibuka hanya setengah hari, menyaksikan jumlah

dagangan sebanyak 1.053 bilion bernilai RM1.198 bilion.

Jumlah dagangan yang agak selesa dengan mengambil kira pasaran yang dibuka hanya separuh hari sempena cuti perayaan Tahun Baharu Cina (TBC). Kaunter untung 367, mengatasi kaunter rugi 244 dan tidak berubah 340.

FBM KLCI merosot 5.86 mata pada waktu penutup. Kemerostan bermula daripada pasaran dibuka jam 9 pagi dan menurun lebih cepat menjelang penutup dagangan.

Pasaran dibuka tinggi pada 1695.64, kurang lima mata daripada paras psikologi 1,700. Selepas itu, KLCI gagal bertahan dan mula merosot. Penjualan lebih rancak berlaku pada 45 minit terakhir waktu dagangan dan akhirnya ditutup 5.86 mata lebih rendah berbanding penutup hari sebelumnya.

Beberapa kaunter mewah mengalami tekanan jualan terutama menghampiri waktu tutup urusan niaga. Antara kaunter rugi adalah Public Bank RM16.06 (susut 0.34), KLK RM24.04 (-0.30), HLFGRM14.82 (-0.28) dan AXIATA RM4.84(-0.15).

Untuk minggu ini, urusan niaga pasaran adalah singkat berikutan cuti Tahun Baharu Cina dan cuti Hari Wilayah Persekutuan. Dengan hari dagangan singkat serta masih ramai pengurus dana dan pelabur di dalam mood cuti, pasaran dijangka meneruskan aliran minggu lalu dengan FBM KLCI berlegar sekitar 1,700 mata.

Tulisan ini bukan memberi saranan untuk membeli atau menjual saham. Ia adalah berbentuk komentar penulis terhadap pasaran saham secara umum dan sebagai pendidikan kepada pelabur di Bursa Malaysia.

Headline	FBM KLCI dijangka uji paras 1,700 mata
MediaTitle	Berita Harian
Date	31 Jan 2017

